

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Malaysia bersedia untuk turut menjalankan kempen 3V (*Visit, Vaccinate and Vacation*) sepertimana yang dilakukan di Maldives, Alaska dan New York dalam usaha menghidupkan pelancongan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa meneroka peluang untuk merencanakan sektor pelancongan negara. Pada masa ini usaha-usaha MOTAC adalah tertumpu kepada menggalakkan pergerakan (*mobility*) dalam negara yang seterusnya boleh merencanakan semula pelancongan domestik dan merangsang ekonomi tempatan.
2. Dalam perkembangan terkini, MOTAC yakin dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kebenaran rentas negeri bermula hari ini, pelancongan domestik akan kembali rancak dan seterusnya menjadi pemangkin untuk membantu industri ini pulih semula.
3. MOTAC kini sedang giat merancang, mempersiapkan dan meneroka segala peluang untuk pembukaan Gelembung Pelancongan Antarabangsa membabitkan destinasi atau negara luar untuk membolehkan Malaysia kembali menerima kehadiran pelancong asing setelah hampir 2 tahun penutupan sempadan antarabangsa negara bagi tujuan pelancongan.

Sekian, terima kasih.